



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KARNIVAL PIALA YB MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN – PROGRAM IKON REMAJA  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**21 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**11.00 PAGI**

**STADIUM BOLA SEPAK KUALA LUMPUR**

## **SALUTATIONS (akan diselaraskan kemudian)**

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Alhamdulillahi Rabbil A'lamin, wabiHi Nasta'in,

Marilah kita bersama-sama mengangkat selawat ke atas Rasul junjungan, Nabi Muhammad SAW, semulia-mulia insan dan kekasih Allah.

Kita lafazkan dengan kalimah, Allahumma Solli Ala Saidina Muhammad, Wa a'la A-li Saidina Muhammad.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Wilayah Peduli Harapan  
Dipenuhi.

1. Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat berhimpun pada hari ini untuk menjayakan **Karnival Piala Menteri Wilayah Persekutuan –**

## **Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada hari ini.**

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih atas kehadiran dan komitmen peserta Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang saya difahamkan seramai 2,000 orang peserta terdiri daripada 76 buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur. Saya ucapkan syabas atas komitmen semua.

**Tuan-tuan dan Puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Kita semua maklum bahawa remaja merupakan golongan pewaris kepimpinan hari ini dan penerus wawasan negara. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk mendidik remaja dalam

membentuk remaja yang berkualiti untuk memimpin negara dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Namun, pada zaman siber kini, keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin meruncing hingga menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat dan kepimpinan negara terhadap kemajuan negara kelihatan tidak seimbang di antara pembangunan fizikal dan sosial.

4. Antara punca utama yang mendatangkan gejala sosial adalah globalisasi dan modenisasi yang merentasi budaya dan pemikiran. Pembudayaan kota (*city culture*) menuruti landasan Barat berlaku dengan lebih pantas dan agresif dengan adanya teknologi maklumat dan multimedia. Kepesatan pembangunan ekonomi dan teknologi telah memberi kesan kepada pembangunan sosial dan insaniah remaja. Tekanan hidup juga menyebabkan ibu bapa

dan anak kurang mempunyai masa atau kesempatan untuk bercakap, berbincang, berkongsi masalah serta berdamping antara satu sama lain. Malah ada yang jarang bersua muka. Keadaan ini menyebabkan remaja membawa cara hidup sendiri tanpa panduan dan mudah terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya yang rosak akhlak akan memburukkan lagi keadaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Kita sebagai warga Wilayah Persekutuan seharusnya berasa bangga dengan kemajuan dan perkembangan yang berlaku di Wilayah Persekutuan. Seperti mana kita semua sedia maklum, Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan menjadi lambang kemajuan Malaysia. Kuala Lumpur menjadi ibu negara dan pusat komersial, Labuan pula ialah Pusat

Perniagaan dan Kewangan Pesisir Antarabangsa manakala Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Seiring dengan kemajuan fizikal yang pesat ini, warga Wilayah Persekutuan harus mempunyai jati diri yang baik yang berteraskan 'minda kelas pertama'.

6. Di sebalik kepesatan dan kemajuan yang dikecapi oleh warga Wilayah Persekutuan, masalah keruntuhan akhlak dan gejala sosial yang berlaku di tempat yang pesat membangun ini nyata mengecewakan, sehingga kemajuan pesat yang berlaku dikaitkan dengan masalah akhlak. Keadaan ini semakin membimbangkan dan merencatkan usaha warga Wilayah Persekutuan mencapai kesejahteraan. Ini secara tidak langsung menjadi petunjuk bahawa ia bukanlah hal yang ringan sebaliknya perlu diberi perhatian secara serius supaya dapat ditangani dengan

bijaksana dan berkesan.

7. Justeru, amat wajar bagi semua pihak melihat isu sedemikian sebagai tanggungjawab bersama yang memerlukan kita untuk memainkan peranan yang sewajarnya. Sebagai sebuah masyarakat yang kuat berpegang teguh terhadap ajaran dan kehidupan beragama, kita tidak mahu akibat daripada perubahan sosial ini akan merubah sikap dan perangai yang akan mengakibatkan kesan negatif.

## **PROGRAM IKON REMAJA WILAYAH PERSEKUTUAN**

8. Kerajaan sentiasa komited dalam membantu meningkatkan jati diri di kalangan remaja Wilayah Persekutuan melalui pembangunan aqidah, rohani dan jasmani. Justeru penganjuran Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan ini merupakan usaha berterusan pihak Kerajaan melalui

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama rakan strategik yang terdiri daripada agensi/jabatan Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Program ini juga berupaya membantu pembentukan keperibadian terpuji dalam kalangan remaja Wilayah Persekutuan melalui kemahiran dan sukan disamping meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan semangat kekitaan dalam kalangan remaja kehidupan bermasyarakat.

9. Saya difahamkan pelaksanaan program ini bermula sejak Julai yang lalu melalui Perlawanan Bolak Sepak yang merupakan pengisian Modul Sukan. Sebanyak 80 pasukan telah bertanding peringkat kumpulan dan hari ini merupakan kemuncaknya di mana perlawanan akhir telah berlangsung sebentar tadi. Modul Kerohanian juga telah diadakan dengan kerjasama kerjasama jawatankuasa surau dan masjid yang terlibat dan

dipantau secara langsung oleh pihak Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP). Begitu juga modul-modul yang lain dilaksanakan di peringkat komuniti turut merangkumi aspek keagamaan, pengurusan kendiri, motivasi, kemasyarakatan, kebajikan dan perpaduan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas komitmen semua.

10. Sesungguhnya, ini merupakan suatu usaha murni yang perlu dilaksanakan secara bersepadu untuk membantu Kerajaan dalam menangani isu dan permasalahan sosial dalam kalangan remaja yang merencatkan perkembangan insaniah dan pembangunan negara. Seharusnya kita semua bertanggungjawab dalam membangunkan remaja yang bakal mencorakkan negara di mata dunia.

**Hadirin yang saya hormati,**

## **HARAPAN**

11. Saya juga berharap program ini akan terus dilaksanakan di peringkat komuniti dan hubungan antara peserta dengan MPPWP tidak terhenti sebaik sahaja tamatnya program ini. Malah MPPWP bolehlah menganggap semua peserta yang terlibat sebagai “anak angkat” MPPWP Zon masing-masing supaya “*sense of belonging*” dalam kalangan komuniti sentiasa wujud.
12. Kesempatan ini, saya ingin mengajak saudara-saudari memikirkan sejenak tentang berbagai masalah sosial yang dihadapi negara hari ini. Kita wujud dalam lingkaran sosial yang lebih besar. Kita semua mempunyai saudara-mara dan rakan taulan yang turut mempengaruhi kita. Kesemua ini merupakan ikatan nilai dan norma yang membentuk identiti, perwatakan dan akhlak kita. Proses pembangunan yang kita alami berlaku selari dengan proses penghijrahan ke bandar.

Jumlah penduduk Malaysia yang tinggal di kawasan bandar kini melebihi 70 peratus. Ini bererti semakin ramai rakyat Malaysia yang dapat menikmati kemudahan moden. Pada ketika yang sama penghijrahan ke bandar telah merungkai struktur masyarakat tradisional yang wujud di kampung-kampung.

13. Kehidupan di bandar diselubungi suasana “sepi dalam ramai” atau “*lonely in a crowd*”. Akibatnya, jiran-jiran sering tidak mengenali sesama sendiri. Kita terpaksa akui bahawa sikap mengambil berat terhadap hal ehwal komuniti tidak begitu kuat. Fenomena “*lonely in a crowd*” menjadikan manusia berasa bersendirian. Mereka tidak lagi mempunyai sokongan dan kawalan sosial yang wujud dalam masyarakat tradisional bila menghadapi tekanan hidup. Kanak-kanak dan remaja tidak merasa malu untuk melakukan sesuatu yang sumbang. Bila berlaku kerosakan

atau kekotoran, tidak ada sesiapa merasa bersalah mahu pun bertanggungjawab. Ini mewujudkan suasana yang subur untuk berbagai masalah sosial berkembang dan merebak. Oleh itu, untuk memperbaiki dan mengatasi berbagai masalah sosial hari ini kita perlu memikirkan bagaimana membina semula sistem nilai dan semangat kemasyarakatan sesama kita.

14. Kita perlu memikirkan strategi-strategi yang berkesan untuk memperbaiki seluruh komuniti. Kita perlu memupuk kembali nilai-nilai dan norma yang dapat membina sokongan dan kawalan sosial tradisional. Kita mahu nilai-nilai dan norma menjadi pengikat sosial atau “*social glue*” yang mengukuhkan komuniti. Dan kita perlu melakukan semua ini dengan mengupayakan atau “*empower*” komuniti supaya menjadi urus-kendiri atau “*self-managing*”. Hanya dengan ini kita akan dapat memberi nafas baru atau “*rejuvenate*” komuniti

berkenaan. Jadi, Saya berharap kita dapat memberikan lebih tumpuan kepada pembaikan di peringkat komuniti.

15. Saya berharap kita dapat sama-sama memikirkan isu-isu ini bukan sahaja dalam merancang tetapi juga dalam melaksanakan program-program kita. Barangkali inilah tahap pencapaian seterusnya atau “*the next level*” yang harus kita tuju. Kerahlah daya kreatif kita untuk menghasilkan pendekatan-pendekatan baru untuk membangunkan masyarakat.

16. Secara peribadi, saya berpandangan program ini mampu memberikan impak dalam menangani gejala sosial dalam kalangan remaja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya sangat menghargai penglibatan dan sumbangan semua pihak terutamanya dalam menyumbangkan idea dan tenaga gerak kerja bagi menjayakan program ini seperti yang dirancang.

17. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbang idea, tenaga dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini.

18. **Sirru ‘ala barokatillah, saya dengan sukacitanya merasmikan Karnival Piala YB Menteri Wilayah Persekutuan – Program Remaja Wilayah Persekutuan.**

Sekian.                    Wabillahitaufik                    Walhidayah  
Wassalamualaikum                    Warahmatullahi  
Wabarakatuh.